

Kupasan dan Ulasan

Masjid-Masjid yang Didirikan Daripada Hasil Loteri

(Oleh: Haji Abdul Rahim bin Ali, Melaka)

Di dalam *al-Qur'ān al-Karīm*, sūrat al-Tawbah, ayat 107 Tuhan telah menerangkan perihal orang-orang yang mendirikan "Masjid Dirār" (masjid fitnah yang berbahaya) dengan cara yang tidak direndai oleh Allah dan rasul-Nya.

Ayat suci yang tersebut menerangkan bahawa orang-orang yang membina masjid itu mempunyai empat tujuan yang tidak jujur. Pertama, hendak membahayakan kedudukan Rasulullah dan orang-orang Islam. Kedua, hendak menegakkkan perbuatan mereka yang kufur. Ketiga, hendak memecahbelahkan perpaduan umat Islam. Keempat, hendak menggunakan masjid itu untuk kepentingan ketua mereka yang pernah memerangi Allah dan rasul-Nya (memusuhi Islam).

Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā* telah memerintahkan Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa ālihi wa sallam* supaya jangan sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana masjid itu berbahaya.

Rasulullah pun menghantarkan orang-orangnya membakar dan meruntuhkan masjid yang tersebut dan tapaknya telah dijadikan tempat membuang sampah. Siapa-siapa yang suka mengetahui lebih lanjut akan perihal masjid ini seyogialah membaca kitab-kitab tafsir, terutama kitab tafsir (*(Fatḥ al-bayān fi maqāṣid al-Qur'ān)*), juzuk 4, muka 160-165.

Demikian juga halnya tiap-tiap masjid yang telah

didirikan di Tanah Melayu daripada hasil judi (loteri). Masjid-masjid itu pada hakikatnya telah didirikan di atas tepi jurang yang dalam, lalu runtuh ke dalam neraka *Jahannam* bersama-sama dengan orang-orang yang mendirikannya daripada hasil judi, dan orang-orang yang membantunya serta orang-orang yang memberi fatwa bahawa hasil judi itu halal boleh dibuat mendirikan masjid.

Masjid-masjid yang seperti ini wajib diruntuhkan sebagaimana Rasulullah dahulu telah meruntuhkan ((Masjid *al-Dirār*)) (masjid fitnah yang berbahaya), kerana masjid-masjid yang tersebut telah didirikan bukan di atas dasar takwa dan keredaan Allah '*Az̄za wa Jalla*. Yang demikian ialah kerana berapa sebab:

1. Masjid-masjid loteri ini telah didirikan daripada daripada harta

yang haram. Tuan-tuan punya harta itu masih ada, dan harta mereka yang tersebut wajib dikembalikan kepada mereka.

2. Masjid-masjid yang seperti ini melemahkan azam

orang-orang Islam dalam amalan mereka menghulurkan derma bantuan. Selepas keluarnya fatwa Mufti Johor tidak akan ada seseorang pun yang akan mendirikan masjid daripada hartanya yang khas. Dengan fatwa itu juga, mulai hari ini hingga Hari Kiamat, masjid-masjid di negeri ini akan didirikan daripada hasil judi yang

nyata haramnya.

3. Masjid-masjid yang seperti ini bukanlah hak Allah tetapi hak syaitan, kerana telah didirikan daripada wang yang haram, sedang Allah Ta‘ālā berfirman di dalam al-Qur‘ān:

Wa anna al-masājida lillāhi fa lā tad‘ū ma‘a Allāhi aḥadā. (16¹, Sūrat al-Jinn).

Ertinya: “Dan bahawasanya masjid-masjid itu bagi Allah maka janganlah kamu menyerukan bersama Allah seseorang jua pun.”

Sedang masjid-masjid (yang didirikan daripada hasil loteri) itu bukanlah bagi Allah bahkan bagi syaitan kerana telah didirikan daripada hasil judi yang haram dengan nas *al-Qur‘ān al-Karīm*.

4. Tiap-tiap sebuah masjid yang dibina oleh seseorang daripada hartanya yang khas, lalu diwakafkannya maka dengan itu masjid yang tersebut akan menjadi *bayt Allāh*, yang dihormati, dan tidak dibolehkan orang-orang yang junub, atau perempuan yang datang haid atau yang nifas ataupun orang-orang musyrik duduk di dalamnya. Tidak juga dibenarkan mengotornya dengan sampah dan lain kekotoran. Di dalam masjid itu sah beriktkaf di dalamnya dan orang yang beriktkaf beroleh pahala, manakala bersembahyang di dalamnya lebih afdal daripada sembahyang di rumah, kerana masjid itu masjid Allah dan *bayt Allāh*.

Adapun masjid-masjid yang didirikan daripada hasil judi loteri disebabkan fatwa Mufti Johor itu, maka dia bukanlah masjid yang dihormati bahkan harus bagi perempuan yang haid dan yang dalam nifas, dan juga harus orang yang junub dan orang musyrik memasukinya dan duduk di dalamnya. Masjid yang seperti itu tidak sah beriktkaf di dalamnya. Dia juga tidak mempunyai hukum yang tertentu seperti hukum

masjid-masjid (yang didirikan daripada wang halal), bahkan haram sembahyang di dalamnya tetapi sah sembahyang itu seperti halnya orang yang sembahyang dengan memakai baju yang dirampas atau di atas tanah yang dirampas, meskipun sembahyang itu sah tetapi haram. Ringkasnya, masjid yang dibina daripada wang hasil judi loteri itu hanya namanya sahaja masjid tetapi tidak mesti dihormati, kerana dia bukan *bayt Allāh*, disebabkan dia tidak diwakafkan.

Patut juga kita bertanya: Masjid-masjid yang telah didirikan daripada hasil judi loteri itu siapakah yang mewakafkannya? Adakah masjid-masjid itu telah diwakafkan oleh Tuan Mufti Johor dengan fatwanya, atau oleh lembaga loteri kerana dialah yang telah mengeluarkan belanja membinanya, atau oleh orang-orang yang menguruskan pembinaan masjid-masjid tersebut?

5. Wang yang dibelanjakan untuk kebajikan orang-orang Islam adalah dibelanjakan untuk yang lebih mustahak, dan yang lebih mustahak itu bukanlah dibelanjakan pada mendirikan masjid-masjid. Demikianlah yang telah ditetapkan oleh ulama fekah di dalam kitab fekah, dalam bab (*(al-Wadī‘ah)*). Bacalah masalah ini dalam hasyiah (*(I‘ānah al-Tālibīn)*) juzuk yang ketiga, muka 248. Mengapa Tuan Mufti Johor mendiamkan diri, sedang beliau mengetahui dengan yakin, bahawa orang ramai disebabkan fatwanya itu; banyak yang telah mendirikan masjid-masjid di Tanah Melayu. Adakah beliau faham bahawa masjid-masjid itu tidak boleh didirikan daripada wang dan harta benda yang diuntukkan untuk kebajikan orang-orang Islam, lebih-lebih lagi masjid-masjid itu tidak boleh didirikan daripada wang judi, lalu ia mendiamkan diri dengan sengaja, atau beliau tidak faham masalah ini? Kalau beliau faham akan masalah ini lalu mendiamkan diri dengan sengaja, maka perkara ini sungguh

¹ Ayat yang sebenar ialah ayat 18, Sūrat al-Jinn.

mendukacitakan. Kalau pula beliau tidak faham, maka

dukacita kita lebih besar lagi.

6. Tanggungjawab adalah terletak atas anggota-anggota lembaga loteri itu kalau mereka orang-orang Islam yang beriman kepada Allah dan rasul-Nya. Mereka tidak seharusnya melakukan perbuatan ini, yang terang haramnya menurut agama mereka. Mereka wajib mengambil balik segala wang bantuan daripada hasil loteri yang telah mereka berikan untuk membina masjid-masjid ataupun madrasah-madrasah. Mereka wajib memulangkan wang itu, kerana tuan-tuan punya wang masih ada, bukan seperti kata Tuan Mufti Johor bahawa mereka tidak ada lagi. Sekiranya Tuan Mufti masih berdegil mengatakan tuan-tuan punya wang loteri itu tidak ada lagi, maka kita akan berkata kepada beliau, bahawa pahala dan kelebihan yang akan diberikan kerana membina masjid-masjid, madrasah-madrasah dan lain-lainnya itu tidak ada siapa-siapa yang akan menerimanya, kerana orang-orang yang berhak menerimanya tidak ada. Kecuali kalau Tuan Mufti dan anggota-anggota lembaga loteri itu bertujuan hendak mengelirukan orang-orang Islam, dan suka supaya orang-orang Islam melakukan pekerjaan yang menyalahi agama, maka inilah yang kami sangka jika mereka (Tuan Mufti dan anggota-anggota lembaga loteri) masih berdegil menjalankan apa yang mereka sedang jalankan itu.

7. Banyak di antara hasil-hasil loteri itu datangnya

daripada kaum bukan Islam, maka bagaimana orang-orang Islam boleh membina masjid-masjid mereka dengan wang orang-orang yang bukan Islam, sedang Allah Ta‘ālā berfirman di dalam

al-Qurān al-Karīm:

“Mā kāna li al-mushrikīna an ya‘murū masājida Allāhi shāhidīna

‘alā anfusihim bi al-kufri ulā’ika ḥabiṭat a‘māluhum wa fi

al-nāri hum khālidūn. Inna mā ya‘muru masājida Allāhi man āmana billāhi wa al-yawmi al-ākhiri wa aqāma al-ṣalāta wa ātā al-zakāta wa lam yakhsha illā Allāha fa ‘asā ulā’ika an yakūnū min al-muhtadīn”

(Ayat 18-19², Sūrat al-Tawbah).

Ertinya: “Tiadalah boleh bagi orang-orang musyrikin

itu mengimarahkan masjid-masjid Allah (meramaikannya dengan amal ibadat, mendirikannya dan menguruskannya), sedang mereka mengakui kekufuran diri mereka sendiri.

Mereka itu orang-orang yang gugur amal-amalnya dan di dalam nerakalah mereka akan berkekalan.

“Hanya yang mengimarahkan masjid-masjid Allah (yang

meramaikannya dengan amal ibadat, yang mendirikannya dan yang menguruskannya) itu ialah orang yang beriman kepada Allah dan kepada hari Akhirat serta mendirikan sembahyang dan memberikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, maka mudah-mudahan mereka menjadi daripada orang-orang yang mendapat pertunjuk.”

Adakah orang-orang Islam reda supaya masjid-masjid mereka

dibina daripada wang yang haram dan daripada kaum kafir pula. Mengapa orang-orang Islam tidak membina masjid-masjid mereka daripada harta mereka sendiri? Apa sebab?

Adakah sebabnya itu berpunca daripada fatwa tuan

mufti Johor yang menyalahi Qur'an, hadith, ijmak dan qiyas?

8. Bahawa masjid-masjid yang telah dibina daripada wang hasil

² Ayat yang sebenar ialah ayat 17-18, Sūrat al-Tawbah

jui³ loteri di Tanah Melayu tidak digemari oleh

orang ramai untuk melakukan ibadat di dalamnya, bahkan masjid-masjid itu telah dibiarkan kosong. Demikian juga madrasah-madrasah yang telah mengambil wang hasil loteri, sedang kucar-kacir – akibat wang bantuan yang haram itu.

9. Alim ulama fekah telah menetapkan di dalam kitab-kitab fekah bahawa kalau seorang yang bukan Islam berwasiat untuk mendirikan masjid maka wasiatnya itu tidak diterima. (*Tafsir Fath al-bayān* juzuk 4, muka 76), maka bagaimana Tuan Mufti Johor membolehkan membina masjid-masjid daripada wang hasil judi (loteri), yang kebanyakannya daripada hasil orang-orang yang bukan Islam? Beliau mendengar semuanya itu lalu mendiamkan diri sedang kejadian itu berlaku adalah disebabkan fatwanya yang salah itu yang telah mengelirukan orang-orang awam. Dari itu masjid-masjid yang tersebut wajib diruntuhkan sebagaimana Nabī Muḥammad *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* telah

Sudahkah tuan membaca:

Surat-menjurat

Disusun oleh Edrus – mengandungi

hal ehwal pejabat surat dengan contohnya iaitu selain daripada mengandungi hal ehwal yang mengenai surat-surat beradat, kepada ahli-ahli agama, kepada orang awam.

Inilah pertama-pertama buku mengenai surat-menjurat di dalam bahasa Melayu huruf Jawi yang lengkap kandungannya.

Senaskhah \$1.80

Post 20 sen.

Kalau memesan hendaklah disebut naskhah **Jawi**.

meruntuhkan Masjid Ḍirār di Madinah dahulu.

Masjid-masjid loteri siapa punya?

10. Bahawa Nabi *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda

(maksudnya): “Barangsiapa membina kerana Allah sebuah masjid, kecil atau besar, nescaya Allah Ta‘ālā akan membina baginya sebuah rumah di syurga.” (Dikeluarkan oleh al-Tirmidhī daripada Anas). Dalam suatu hadith yang lain, dari ‘Uthmān bin ‘Affān, katanya, aku telah mendengar Rasulullah *sallā Allāhu ‘alayhi wa sallam* bersabda (maksudnya): “Barangsiapa membina sebuah masjid dengan tujuan kerana Allah semata-mata, nescaya Allah akan membina baginya sebuah rumah di syurga.” (Dari *Tafsir Fath al-bayān*, juzuk, 4, muka 77-78). Kita sekarang suka bertanya kepada Tuan Mufti Johor: tentang masjid-masjid yang telah didirikan di Tanah Melayu disebabkan fatwanya itu, adakah masjid-masjid itu kepunyaan beliau, atau kepunyaan lembaga loteri, atau kepunyaan orang-orang yang menguruskan pembinaannya, ataupun kepunyaan orang-orang yang empunya wang loteri itu (yang kebanyakannya) daripada orang-orang yang bukan Islam? Tuan Mufti wajib memberi fatwa dengan seberapa segeranya iaitu untuk siapakah rumah-rumah yang akan dibina di syurga itu disebabkan terdirinya masjid-masjid di Tanah Melayu daripada hasil judi yang berpuncakan fatwa Tuan Mufti Johor? Harus Tuan Mufti akan mengatakan bahawa rumah-rumah yang di syurga itu ialah untuknya seorang diri, kerana fatwanya lah yang menyebabkan terdirinya masjid-masjid yang tersebut di dalam dunia ini.

Adakah tuan-tuan punya wang loteri, yang tidak ada wujudnya menurut fatwa Tuan Mufti Johor bersetuju dengan Tuan Mufti itu?

³ Perkataan sebenar ialah ‘judi’.